

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

# **PANDUAN PERGERAKAN PELAJAR (EDISI KE-4)**

**KELUAR / MASUK KAMPUS  
BERKUAT KUASA 7 MEI 2022**

**Disediakan oleh:**  
Jabatan Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar)  
Universiti Teknologi Malaysia

UTM Johor Bahru

Talian Hotline: 011-18687022  
E-mel: [helpdesk.hep@utm.my](mailto:helpdesk.hep@utm.my) / [tphep@utm.my](mailto:tphep@utm.my)

UTM Kuala Lumpur

HEP : 017-2424122  
E-mel: [heputmkl@utm.my](mailto:heputmkl@utm.my)

# ISI KANDUNGAN

---

NO.	PERKARA	MUKA SURAT
i	Isi Kandungan	1
ii	Tujuan	2
iii	Pengenalan	3
	Pergerakan Keluar dan Masuk Pelajar	3
iv	Kaedah Pelaksanaan	5
1.0	Kemasukan Bagi Tujuan Menginap	5
1.1	Sebelum masuk kampus	5
1.2	Semasa masuk kampus	6
1.3	Kes-kes khas	7
1.3.1	Kategori (a)	7
1.3.2	Kategori (b) & (C)	8
1.4	Pelajar Antarabangsa	9
2.0	Keluar dan Masuk Secara Harian	10
3.0	Kemasukan Secara Harian	11
3.1	Sebelum masuk kampus	11
3.2	Semasa masuk kampus	11
4.0	Maklumat Tambahan	12
v	Lampiran A	13

# TUJUAN

---

Panduan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan pergerakan keluar dan masuk kampus yang perlu dipatuhi oleh pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi kampus UTM Johor Bahru dan UTM Kuala Lumpur. Ia meliputi langkah-langkah kawalan yang perlu dilaksanakan oleh Kolej Kediaman berkuat kuasa pada 7 Mei 2022. Rasional panduan ini dikeluarkan adalah bagi memastikan pergerakan pelajar yang terancang, dipantau dan mengurangkan kadar jangkitan Covid-19 dalam kalangan pelajar dan staf.

Panduan ini juga akan menerangkan kaedah pergerakan pelajar masuk ke dalam kampus untuk tujuan menginap, mengambil barang atau peraturan semasa keberadaan di dalam kampus.

Dengan adanya Panduan Pergerakan Pelajar Edisi Ke-4 ini, maka Panduan Pergerakan Pelajar (Edisi ke-3) bertarikh 16 Mac 2022 adalah **TERBATAL**.

# PENGENALAN

---

## Pergerakan Keluar dan Masuk Pelajar

Selaras dengan pengumuman kerajaan Malaysia pada 1 April 2022 iaitu memasuki fasa peralihan endemik dan penetapan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang baharu, pihak Universiti telah bersetuju untuk memberikan fleksibiliti pergerakan keluar masuk pelajar di kampus seperti berikut:

i. Operasi pintu UTM adalah:

Pintu 1 (pintu utama UTM)	: Dibuka 24 jam
Pintu 2 (Senai)	: 6.00 pagi – 12.00 malam
Pintu 3 (Dataran UTM)	: 6.00 pagi – 12.00 malam
Pintu 4 (Desa Bakti)	: 6.00 pagi – 9.00 pagi : 12.30 tengahari – 2.30 petang : 4.30 petang – 7.00 malam
Pintu UTM KL	: 6.00 pagi – 12.00 tengah malam

\*Had masa pergerakan masuk pelajar adalah sehingga **12.00 tengah malam** sahaja. Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi masa yang ditetapkan, akan dikenakan tindakan tatatertib seperti yang terkandung dalam Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999.

- ii. Syarat memasuki kampus adalah lengkap vaksinasi (rujuk jadual vaksinasi). Bagi pelajar yang tidak lengkap vaksin atas sebab kesihatan, tidak mengambil dos penggalak (penerima vaksin jenis *Sinovac* sahaja) atau menolak vaksin, boleh merujuk perkara 1.3.

JENIS VAKSIN	JUMLAH VAKSIN	18-59 TAHUN	60 TAHUN KE ATAS
Sinovac Sinopharm	2 dos	Tidak lengkap vaksin	Tidak lengkap vaksin
	3 dos	Lengkap vaksin	Lengkap vaksin
Pfizer Moderna AstraZaneca Covaxin Covishield Novavax Sputnik V	2 dos	Lengkap vaksin	Tidak lengkap vaksin
	3 dos	Menerima dos penggalak	Lengkap vaksin
CanSino Janssen Sputnik Light	1 dos	Lengkap vaksin	Tidak lengkap vaksin
	2 dos	Menerima dos penggalak	Lengkap vaksin

# KAEDAH PELAKSANAAN

---

## 1.0 Kemasukan bagi Tujuan Menginap

### 1.1 Sebelum Masuk Kampus

- i. Pelajar **WAJIB** mengemaskini status kesihatan dengan mengisi *Health Declaration Form* (HDF), status vaksinasi dan status dos penggalak di dalam sistem UTMSmart sebelum membuat permohonan masuk kampus. (Sila rujuk Panduan Mengemaskini Maklumat Kesihatan Pelajar terkini).
- ii. Pelajar diminta untuk menjalani ujian RTK-Antigen sendiri di kediaman masing-masing dalam tempoh 24 jam sebelum memasuki kampus. Pelajar perlu merekodkan hasil ujian RTK-Antigen di dalam sistem UTMSMart.
- iii. Untuk permohonan kolej kediaman, pelajar pra-siswazah boleh membuat permohonan melalui portal [hostel.utm.my](http://hostel.utm.my) dan kelulusan adalah tertakluk kepada kekosongan bilik di kolej yang dipohon.
- iv. Untuk pelajar pasca-siswazah dan antarabangsa, permohonan menginap di kolej boleh dilakukan dengan menghantar e-mel ke kolej yang dikhususkan iaitu Kolej Rahman Putra (KRP), Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI), Kolej Tun Fatimah (KTF) dan Kolej Dato' Onn Jaafar (KDOJ).

---

## 1.2 Semasa Masuk Kampus

- i. Pelajar perlu menunjukkan status kesihatan dan vaksinasi kepada pegawai keselamatan semasa berada di pintu masuk UTM. Hanya pelajar yang berstatus **HIJAU** sahaja dibenarkan masuk ke kampus.
- ii. Pelajar boleh terus ke kolej kediaman yang dimohon dan mengemukakan bukti hasil ujian RTK semasa pengambilan kunci.
- iii. Pelajar **DIWAJIBKAN** mengimbas Kod QR yang disediakan di kolej untuk tujuan rekod keberadaan di kampus sebelum mengambil kunci.
- iv. Selepas memasuki kolej, sekiranya terdapat pelajar yang bergejala, adalah **DIWAJIBKAN** menjalani **sekali lagi Ujian RTK-Antigen**.

\* Rujuk Lampiran A untuk infografik proses kemasukan pelajar ke kampus.

\*\* Permohonan pelajar adalah kekal sehingga pengambilan kunci.

\*\*\* Waktu kemasukan dan urusan pengambilan kunci di kolej adalah pada waktu operasi pejabat sahaja.

---

## 1.3 Kes-kes Khas

Terdapat tiga (3) kategori kes-kes khas iaitu; (a) pelajar yang masih belum lengkap vaksin dan tidak divaksin (atas faktor kesihatan), (b) penerima vaksin jenis *Sinovac* yang masih belum menerima dos penggalak dan (c) pelajar yang menolak vaksin. Terdapat pengukuhan SOP yang perlu dipatuhi:

### 1.3.1 Kategori (a)

- i. Sebelum memasuki kampus, perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan berdaftar dan wajib mengemaskini status vaksinasi di dalam sistem UTMSmart.
- ii. Pelajar perlu menjalani ujian RT-PCR sekali sebelum kembali ke kampus, termasuk cuti penggal dan cuti umum.
- iii. Menjalani ujian RTK-Antigen sekiranya bergejala dan memaklumkan keputusan ujian kepada Fellow kolej atau Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM).
- iv. Ujian RTK-Antigen boleh diperolehi dari Fellow kolej atau Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM).



---

### 1.3.1 Kategori (b) & (c)

- i. Pelajar perlu menjalani ujian RT-PCR sekali, **tiga (3)** hari sebelum kembali ke kampus dan mengemukakan keputusan ujian ketika memasuki kampus.
- ii. Pelajar perlu menandatangani surat Aku Janji di hadapan pegawai yang bertugas.
- iii. Untuk penempatan di dalam kampus, pelajar akan ditempatkan di penempatan khas yang akan ditetapkan oleh pihak Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).
- iv. Semasa berada di kampus, pelajar perlu menjalani ujian RTK-Antigen secara berkala (**seminggu sekali**).
- v. Sekiranya bergejala, pelajar perlu menjalani ujian sendiri RTK-Antigen dan memaklumkan keputusan kepada Fellow atau Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM).

\* Semua ujian RT-PCR dan RTK-Antigen adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri.

---

## 1.4 Pelajar Antarabangsa

- 1.4.1 Pelajar antarabangsa yang **telah lengkap vaksin sahaja** dibenarkan masuk sama ada pelajar sedia ada atau baharu.
- 1.4.2 Semua pelajar antarabangsa yang telah tamat tempoh sah Visa dan Pas Pelajar dan pelajar baharu perlu mengemukakan permohonan kebenaran masuk ke Malaysia untuk kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia melalui *Education Malaysia Global Services (EMGS)*.
- 1.4.3 Pelajar antarabangsa **diwajibkan** membuat ujian pengesanan RT-PCR Covid-19 **empat puluh lapan jam (48) sebelum berlepas** ke Malaysia dengan **keputusan negatif** dan laporan ujian tersebut perlu direkodkan dan ditunjukkan kepada pegawai bertugas semasa ketibaan.

---

## 2.0 Keluar dan Masuk Kampus secara Harian

- 2.1 Pelajar diberi kebenaran keluar dari kampus bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam.
- 2.2 Pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya didapati melebihi had masa yang ditetapkan seperti terkandung dalam Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar 1999).
- 2.3 Semasa keluar dan memasuki kampus, tiada sebarang dokumen yang perlu dikemukakan kepada Pengawal Keselamatan.
- 2.4 Walau bagaimanapun, semakan kad matrik pelajar dan pelekat kenderaan masih berkuat kuasa. Pelajar yang tidak dapat membuktikan perkara tersebut tidak dibenarkan memasuki kampus.

---

## 3.0 Kemasukan Secara Harian

Kemasukan secara harian bagi urusan akademik, makmal, perpustakaan, pentadbiran, kewangan, pengambilan barang di kolej kediaman atau apa-apa urusan yang berkaitan di dalam kampus.

### 3.1 Sebelum Masuk Kampus

- i. Pelajar wajib mengemaskini status vaksinasi dan dos penggalak dan mengemaskini ***Health Declaration Form (HDF)*** di dalam sistem UTMSmart. Bagi pelajar yang tidak lengkap vaksinasi, boleh merujuk perkara 1.3.
- ii. Memastikan rekod di aplikasi MySejahtera berstatus 'risiko rendah'.

### 3.2 Semasa Masuk Kampus

- i. Pelajar perlu menunjukkan rekod ***Health Declaration Form (HDF)***.
- ii. Pelajar diminta mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak Universiti dan MKN sepanjang keberadaan di dalam kampus.

---

## 4.0 Maklumat Tambahan

Untuk maklumat lanjut, pelajar boleh menghubungi nombor atau menghantar e-mel ke alamat berikut:

### UTM Johor Bahru

#### Urusan Kemasukan ke Kampus

Jabatan TNC (HEP)

- ✓ Talian Hotline: 011-18687022
- ✓ E-mel: helpdesk.hep@utm.my / tphep@utm.my

#### Urusan Penginapan Kolej Kediaman

Jabatan TNC (Pembangunan)

- ✓ Talian Hotline: 07- 5532548
- ✓ E-mel: asrama@utm.my

### UTM Kuala Lumpur

#### Urusan Kemasukan ke Kampus

- ✓ HEP : 012-7501969
- ✓ E-mel: heputmkl@utm.my

#### Urusan Penginapan Kolej Kediaman

- ✓ Talian : 019-2016739
- ✓ E-mel: aishah.kl@utm.my

# LAMPIRAN A

## Sebelum pulang ke kampus



Mengemaskini status kesihatan melalui *Health Declaration Form (HDF)* dan status vaksinasi dan dos penggalak di dalam sistem UTM Smart.



Membuat ujian RTK-Antigen di kediaman 24 jam sebelum pulang ke kampus dan memuat naik hasil ujian di dalam sistem UTMSmart.



Membuat permohonan kolej di web [hostel.utm.my](http://hostel.utm.my).

## Semasa di kampus



Menunjukkan *Health Declaration Form* (status **HIJAU** sahaja dibenarkan masuk).



Imbas Kod QR MySejahtera.



Menunjukkan bukti keputusan kit ujian sendiri di dalam sistem UTMSmart.



Imbas Kod QR UTMSmart.



Setelah disahkan oleh pihak kolej, pelajar boleh mendapatkan kunci bilik.